



JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

TAWARAN UNTUK MENGGISI LANTIKAN SECARA KONTRAK DI JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA, KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

1. Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Kementerian Pertahanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia untuk mengisi jawatan Jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) secara kontrak di Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Kementerian Pertahanan Malaysia.

2. JAWATAN A : PENOLONG PEGAWAI KESATRIA (JURULATIH MODUL PEMBINAAN DIRI)

| | | |
|--------------------------|---|--------------------------------------|
| Kod Jawatan | : | S27 |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | Perkhidmatan Sosial |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Sokongan |
| Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| Tempoh Kontrak | : | 2 Tahun |
| Gaji | : | P1 T1 RM 1204.55 - P1 T26 RM 3027.10 |

- Syarat Lantikan
1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia ;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh kerajaan ; atau
(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan adalah pada Gred S27 : P1 T5) ;
atau
(iii) bekas Inspektor Polis DiRaja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik ;
 - (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu ;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita ;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja) ;

| | |
|--|--|
| | (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan v/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan |
| | (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat. |
| dan | (e) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan bagi calon di perenggan 1 (c) (i) dan (ii) di atas. |
| | (Keutamaan diberi kepada calon yang telah menghadiri TOT anjuran JLKN serta diiktiraf oleh JLKN sebagai Jurulatih Modul Kenegaraan/Khidmat Komuniti/Pembinaan Karakter) |
| Penaklukan di bawah syarat-syarat Skim | Pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Kesatria secara kontrak adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| Latihan | Jurulatih PLKN yang dilantik adalah dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. |
| Pergerakan gaji tahunan | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan berdasarkan Laporan Prestasi Tahunan. |
| Penilaian Tahap Kecekapan | Jurulatih PLKN hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan untuk pertimbangan kenaikan pangkat dan pelantikan semula ke perkhidmatan kontrak. |
| Kenaikan Pangkat ke Gred S32 dan S38 | Temuduga ke Jawatan Kenaikan Pangkat Gred 32 dan Gred 38 akan dibuat dari semasa ke semasa ke atas calon yang layak bagi mengisi kekosongan Ketua Jurulatih / Jurulatih Pakar apabila telah : <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ; (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan ; dan (c) diperakui oleh Ketua Perkhidmatan. |

3 .JAWATAN B - PEMBANTU KESATRIA (JURULatih MODUL FIZIKAL)

| | | |
|--------------------------|---|---|
| Kod Jawatan | : | S17 |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | Perkhidmatan Sosial |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Sokongan |
| Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| Tempoh Kontrak | : | 2 Tahun |
| Gaji | : | P1 T1 RM 820.38 - P1 T26 RM 2151.35 |
| Syarat Lantikan | : | 1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :- <ul style="list-style-type: none"> (a) warganegara Malaysia ; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; <ul style="list-style-type: none"> (ii) bekas anggota Polis DiRaja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia yang berpangkat Koperal dan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik ; |

| | |
|--|--|
| | (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu ; (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita ; (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja) ; (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan v/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat. |
| dan | (e) kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. |
| Penaklukan di bawah syarat-syarat Skim | (Keutamaan diberi kepada calon yang telah menghadiri TOT anjuran JLKN serta diiktiraf oleh JLKN sebagai Jurulatih Modul Fizikal dan Pesara Tentera) Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Kesatria secara kontrak adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| Latihan | Jurulatih PLKN yang dilantik adalah dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. |
| Pergerakan gaji tahunan | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan berdasarkan Laporan Prestasi Tahunan. |
| Penilaian Tahap Kecekapan | Jurulatih PLKN hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan untuk pertimbangan kenaikan pangkat dan pelantikan semula ke perkhidmatan kontrak. |
| Kenaikan Pangkat ke Gred S32 dan S38 | Temuduga ke Jawatan Kenaikan Pangkat Gred 22 dan Gred 26 akan dibuat dari semasa ke semasa ke atas calon yang layak bagi mengisi kekosongan Ketua Jurulatih / Jurulatih Pakar apabila telah : <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ; (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan ; dan (c) diperakui oleh Ketua Perkhidmatan. |

4. CARA MEMOHON

- 4.1 Calon-calon yang berminat boleh memohon dan mengisi borang **JLKN/PSM 01** yang boleh didapati di pejabat JLKN seperti alamat di bawah :

**Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Latihan Khidmat Negara
Kementerian Pertahanan Malaysia
Aras 9, Menara TH Selborn,
153, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR**

**Tel : 03-2687 3539 / 3418 / 3452
Faks : 03-2685 2022**

Borang permohonan **JLKN/TP 01** juga boleh di muat turun melalui laman web JLKN iaitu www.khidmatnegara.gov.my

- 4.2 Borang permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen berikut :
 - 4.2.1 Dua keping gambar berukuran paspot.
 - 4.2.2 Salinan Kad Pengenalan, Surat Beranak, Sijil Berhenti Sekolah, Sijil-sijil Persekolahan/Diploma/Ijazah, Sijil-sijil kursus TOT serta lain-lain dokumen berkaitan yang telah **disahkan benar dari salinan asal**.
 - 4.2.3 Salinan Buku Pengakuan Perkhidmatan Anggota, Angkatan Tentera Malaysia (BAT D 92) yang telah **disahkan benar dari salinan asal**.
 - 4.2.4 Maklumat peribadi (*Resume*)
- 4.3 Borang permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

5. TEMUDUGA

- 5.1 Hanya calon yang telah disenarai pendek dan layak sahaja akan dimaklumkan untuk menghadiri temuduga.